

06 JUL 2000

PUSAT SAINS NEGARA ADAKAN PAMERAN KERETA

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Pusat Sains Negara akan mengadakan pameran kereta Proton Waja di galeri Pusat Sains Negara bermula hari ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata pameran itu bertujuan untuk menarik orang ramai menikmati keindahan dan keunikan kereta Proton Waja.

Proton Waja merupakan kereta pertama yang direkabentuk oleh negara dan pelancaran kereta kebangsaan itu dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Mei lalu, katanya di sini.

Law menjemput orang ramai untuk melawat ruang pameran kereta Proton Waja, yang dibuka dari pukul 9 pagi hingga 5 petang setiap hari kecuali hari Jumaat.

-- BERNAMA

CS AHH AKD